

Laungan 'bossku' sambut Najib

**Tidak sangka
kehadirannya
dapat sokongan
di Kedah**

NURUL HIDAYAH HAMID

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau tidak menyangka laungan 'bossku akan berkumandang di Kompleks Pas Kedah, Kota Sarang Semut, kelmarin.

Najib berkata, beliau bersyukur dengan sokongan yang diberikan kepada beliau.

"Sebenarnya, saya tidak dijadualkan berucap tetapi terima kasih atas undangan ini. Apa yang boleh saya

katakan adalah gandingan UMNO dan Pas serasi.

"Saya fikir bahawa tidak akan dengar laungan 'bossku itu, tetapi dalam sejarah apabila laungan berkenaan memenuhi pekarangan Kompleks Pas Kedah apabila semua terima kehadiran saya kerana kita macam adik-beradik," katanya.

Beliau berkata sedemikian ketika memberi ucapan pada Ceramah Perdana Perpaduan Ummah di Kompleks Pas Kedah, Kota Sarang Semut, kelmarin.

Menurutnya, beliau berterima kasih kepada Pas atas kesudian menerima dirinya dan rakan untuk duduk semeja.

"Jika kita tengok baju dah tahu parti mana. Namun, bukan soal baju, yang penting dalam hati kecil



Ahli Pas tidak melepaskan peluang berswafoto dengan Najib pada Ceramah Perdana Perpaduan Ummah di Kompleks Pas Kedah, Kota Sarang Semut, kelmarin.

yang menerima UMNO dan Pas ini ibarat adik-beradik yang bertautan prinsipnya. Malah, kerjasama UMNO-Pas merupakan senjata paling ampuh," katanya.

Sebagai contoh katanya, purata undi kawasan Felda, yang mana kira-kira 58 peratus menyokong UMNO dan 30 peratus menyokong Pas menjadikan hampir 90 peratus menyokong kedua-

dua parti itu.

Kata beliau, pihaknya yakin kerjasama UMNO dan Pas akan membuahkan kejayaan pada pilihan raya akan datang.

"Berdasarkan pemerha-

tian, saya berani katakan bahawa jikalau ada pilihan raya esok, maka BN dan Pas akan kembali berkuasa," katanya.

Terdahulu, Najib sekali lagi menegaskan bahawa panggilan 'bossku bukan merujuk kepada dirinya, sebaliknya ia merujuk kepada rakyat.

Najib berkata, kerajaan Pakatan Harapan (PH) juga boleh digelar 'Pakatan Haring' kerana rakyat terkena 'kencing' teruk berikutan kegagalan menunaikan manifesto dan janji manis ditaburkan pada PRU14.

"Saya telah jadi Perdana Menteri sembilan tahun, kalau boleh buat, saya buat lebih awal lagi.

"Namun, saya tidak sanggup berjanji kerana ia satu pembohongan," katanya.